

Keadaan Orang-orang Islam di Kanada

Negeri Kanada, terletak di “Benua Amerika Utara” yang meliputi hampir seluruh bahagian utara daerah tersebut, kecuali tanah Alaska. Luasnya 3 setengah juta batu persegi, dialah negeri yang kedua di antara negeri-negeri yang paling luas di dunia. Dan negeri itu mempunyai kawasan perairan air tawar luasnya sepertiga dari jumlah seluruh keluasan perairan air tawar di dunia.

Jumlah penduduknya sekarang ditafsirkan kira-kira 19,000,000 jiwa. Bahasa Inggeris dan bahasa Perancis kedua-duanya adalah menjadi bahasa rasmi negara, dan keduanya terpakai di dalam sidang-sidang parlimen, pejabat-pejabat mahkamah dan dalam semua surat piagam yang rasmi. Di Kanada terdapat surat khabar-surat khabar yang diterbitkan dengan menggunakan lebih dari 40 macam bahasa. Tetapi kebanyakan kaum yang mendatang ke sana menggunakan bahasa Inggeris atau Perancis bagi mereka dan anak-anak mereka. Kerana pengetahuan bahasa Inggeris atau Perancis adalah menjadi salah satu syarat untuk memperoleh kerakyatan sebagai rakyat Kanada. Dan kebebasan agama adalah terjamin bagi semua rakyat, kerajaan tidak akan mengganggu seseorang yang mengamalkan agamanya.

Bagaimana Islam sampai ke Kanada.

Pada permulaan kurun 20 ini dahulunya tak ada orang-orang Islam di Kanada, bahkan negeri itu sedikit pun tak mengetahui tentang Islam, kecuali oleh setengah-setengah orang India yang banyak tinggal di sana, dan besar kemungkinannya bahawa orang-orang Islam yang berada di Kanada itu telah datang selepas permulaan abad (kurun) dua puluh.

Adapun sebab-sebab agama Islam itu telah sampai ke sana ialah oleh adanya dua faktor yang penting, dan dengan adanya kedua faktor tersebut lahirlah agama Islam di Kanada:

Pertama: Dengan kedatangan pekerja-pekerja dari Pakistan, mereka itu bekerja sebagai kuli-kuli yang membina jalan-jalan kereta api di Kanada yang setengahnya beragama Islam, dan ini tentulah mempunyai kesan yang besar untuk turut berpindahnya bibit kepercayaan agama tersebut di sana.

Kedua: Dengan kedatangan saudagar-saudagar bangsa Syria dan Lubnan yang di antara mereka beragama Islam. Maka dengan demikian menyebabkan agama Islam berkembang di sana.

Bilangan kaum Muslimim, kebangsaan dan pekerjaan mereka

Jumlah saudara-saudara kita kaum Muslimin yang berada di Kanada sekarang ini ditafsirkan kira-kira sebanyak 15,000 orang, kebanyakannya telah datang dari negeri Timur – khasnya dari Syria dan Lubnan. Mereka ini telah mengelarkan diri mereka sebagai orang Syria, kerana kedua negeri Syria dan Lubnan pada masa mereka berhijrah ke Kanada adalah di bawah pemerintahan Turki (Kerajaan ‘Uthmāniyyah). Selain dari mereka, terdapat juga orang-orang Islam yang datang dari negeri-negeri



Pengerusi Persatuan Orang-Orang Islam di Amerika

Syarikat dan Kanada yang pertama sekali bagi

persatuan tersebut ialah Tuan Abdullah Ajram.

Yugoslavia, Albania, Pakistan, Iran, Soviet

Union, Burma dan Palestin. Berpindahnya orang-orang

Islam yang berhijrah ke sana itu adalah berjalan

berterusan secara teratur, dan nampaknya sekarang

ini telah ada tanda-tanda cahaya Islam di negeri tersebut

semakin bersinar.

Setengah orang-orang Islam di sana ada mempunyai

kedudukan yang penting dalam jawatan kerajaan, ada yang

jadi petani dan ahli perusahaan yang tertentu, dan

banyak yang giat memperbaiki kedudukan mereka dalam

lapangan pengetahuan dan kebudayaan, sehingga dalam banyak

hal mereka sangat mementingkan pendidikan anak-anak mereka.

Begitu pula mereka latih kebanyakan anak-anak mereka yang

datang dari Timur Tengah dalam bidang perdagangan.

Di sana orang-orang Islam tak ketinggalan untuk

mengambil peranan mereka yang besar dalam lapangan kemajuan,

dan hidup bergandingan bahu bersama-sama dengan penduduk-penduduk

negeri dalam suasana kasih sayang dan persaudaraan.

Dan dalam masa perayaan-perayaan agama, berkumpul beratus-ratus

orang Islam di masjid untuk menunaikan sembahyang

hari raya dan saling mengucapkan tahniah sesama mereka.

Masjid yang mula-mula.

Pada tahun 1938 orang-orang Islam telah mendirikan

masjid mereka yang pertama, iaitu di Bandar "Edmonton"

daerah "Alberta" di sebelah barat Kanada. Begitu pula telah

didirikan sebuah masjid di Bandar London daerah

"Ontario". Dan sedang diusahakan rancangan membina

masjid di bandar "Montreal" iaitu bandar yang terbesar

di Kanada. Dan akan menyusul pula pembinaan masjid

yang keempat di bandar "Toronto".

Pertubuhan yang mula-mula.

Di bandar Toronto orang-orang Islam telah mendirikan

sebuah pertubuhan Islam yang mula-mula. Pertubuhan yang akan

menjaga kepentingan kaum Muslimin dan tempat membincangkan

hal ehwal yang berhubung dengan kemajuan mereka,

di sanalah tempatnya mereka mencari dan mengumpulkan

derma-derma untuk pembinaan masjid di berbagai-bagai bandar di Kanada.

Juga terdapat beberapa buah badan-badan kebajikan yang

lain, di antaranya sebuah pertubuhan kebajikan Islam

di bandar London daerah "Ontario".

Membentuk persatuan umum bagi orang-orang Islam

di Kanada dan muktamar tahunan

Pada 25 Jun 1952 adalah tarikh yang pertama sekali orang-orang Islam di seluruh wilayah Amerika Syarikat dan Kanada mengadakan perjumpaan mereka (muktamar) yang dihadiri oleh lebih 500 orang semenjak itulah tertubuhnya pertubuhan Islam seluruh negeri, dan Tuan Abdullah Ajram dilantik sebagai *President* yang pertama sekali bagi pertubuhan Islam seluruh negeri Amerika dan Kanada. Patut diingat bahawa dengan usaha dan jasa beliaulah maka tertubuh pertubuhan yang seperti itu. Beliau terus bergiat mengendalikan pertubuhan tersebut sehingga menyusul muktamar yang kedua kalinya pada tahun 1953 di bandar "Toledo" dan diiringi pula dengan muktamar yang ketiga pada tahun 1954 di bandar "Chicago" di Amerika Syarikat.

Kemudian pada bulan Julai 1955 telah diadakan pula muktamar yang keempat di bandar London daerah "Ontario" di Kanada. Dalam muktamar ini Tuan Hassan Ibrahim telah dilantik menjadi Presidennya. Beliau seorang pemuda yang istimewa. Dilahirkan di Amerika, ayahnya berasal dari Lubnan yang telah berhijrah ke Amerika, dan ibunya seorang bangsa Itali. Tuan Hassan Ibrahim benar-benar sebagai seorang ahli pidato yang ulung kerana kepetahannya dan kelancarannya berbahasa Inggeris, di samping itu sangat cergas menyiarkan pengajaran-pengajaran Islam di kalangan penduduk negeri. Beliau juga telah mengarang sebuah buku dalam bahasa Inggeris yang menceritakan berkenaan tarikh para nabi seperti Nabī Nūḥ, Ibrāhīm, Mūsā, 'Isā dan Muḥammad (S.A.W).


yang mana para nabi-nabi tersebut semuanya menyerukan agama Allah yang satu.... iaitu agama Islam. Di samping itu beliau kerap mendapat undangan dari beberapa banyak badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan gereja-gereja untuk menerangkan kepada mereka tentang agama Islam yang telah dilaksanakannya dengan penuh kejayaan.

Seterusnya muktamar yang kelima diadakan pada bulan Julai tahun 1956 di bandar New York, muktamar keenam pada bulan Julai 1957 di bandar Detroit, muktamar yang ketujuh pada tahun 1958 di bandar Washington, dan muktamar yang kedelapan pada bulan Julai 1959 di bandar Michigan daerah Indiana dalam mana Tuan Muhammad Khalid telah dilantik menjadi *President* oleh pertubuhan tersebut.

Tujuan penubuhan persatuan Islam

Adapun matlamat yang dituju dalam penubuhan "Persatuan Islam" di Kanada dan Amerika itu ialah, mengembangkan semangat keislaman, serta falsafah, akhlak dan kebudayaannya di kalangan para anggota dari pertubuhan tersebut dan anak-anak mereka, juga menerangkan akan hakikat dan dasar-dasar agama Islam yang maha suci sejelas-jelasnya dengan perantaraan risalah-risalah dan lain-lainnya.

Dalam undang-undang dasarnya dicatitkan: Bahawa semua manusia dilahirkan berkeadaan suci – pada pandangan Islam – dan tiap-tiap seorang menyematkan dalam hatinya kepercayaan tentang adanya Tuhan yang Maha Esa. Bersesuaian dengan pegangan ini seseorang Muslim dalam dunia ini mestilah berusaha mencari ilmu pengetahuan dan pengalaman, berpandukan dengan pengajaran Qur'an dan hadith Nabi (S.A.W).



Peta negeri Kanada, yang bertanda anak panah itulah kawasan yang didiami oleh kebanyakan orang-orang Islam di sana, iaitu daerah Ontario Alberta.

Muktamar Islam keempat di Kanada.

orang-orang Islam sangatlah besarnya serta mereka berikan

Setelah diadakan Muktamar Islam sebanyak tiga

kerjasama yang memuaskan.

kali yang semuanya di Amerika Syarikat, maka dicadangkan

Menjelang muktamar tersebut diadakan, usaha

mengadakan muktamar yang keempat di Kanada pula. Bandar yang

mendakryahkannya telah dibuat dengan besar-besaran selama beberapa

sesuai untuk muktamar tersebut ialah di bandar London

bulan, sehingga menghasilkan sehabisnya muktamar itu

daerah "Ontario". Dia terpilih kerana letaknya

dengan adanya beberapa banyak keluarga orang-orang Kanada

di sempadan negeri Kanada dengan negeri Amerika Syarikat.

memeluk agama Islam. Langkah ini sangat besar kesannya

Muktamar tersebut telah diadakan pada penghujung bulan Julai

terhadap orang-orang Islam dan yang bukan Islam di Kanada.

tahun 1955 – sebagai yang telah disebutkan di atas.

Di antara yang patut dicatat ialah; tuan-tuan punya

Kesan dari muktamar ini sangatlah besar, kerana

hotel yang besar di mana muktamar itu telah diadakan sangat-sangat

mendekatkan kedua wilayah negeri itu menghantarkan

tertarik hati dan memuji cara-cara panitia yang

perwakilan masing-masing yang berada di tempat jauh, dan sambutan

menyelenggarakan muktamar Islam tersebut, bagaimana rapi

dan terturnya, penuh dengan suasana ketenangan dan ketenteraman – tak ada keributan dan hingar bingar yang biasa mereka alami bila hotel-hotel mereka itu disewa oleh lain-lain pertubuhan.

Hanya satu perkara sahaja yang menyebabkan mereka mengeluh, iaitu minuman-minuman keras mereka telah tidak laku kerana orang-orang Islam itu tak ada memesannya, sedang dalam jamuan-jamuan yang diadakan oleh lain-lain pertubuhan, minuman-minuman keras yang seperti itu sangat larisnya sehingga membawa keuntungan besar kepada mereka. Namun demikian muktamar tersebut tetap membawa kenangan yang baik kepada tuan-tuan punya hotel tersebut, dan juga kepada semua kaum.

Muktamar Islam yang kesepuluh di Kaherah.

Perlu juga disebutkan di sini bahawa persatuan Islam di Kanada dan Amerika Syarikat itu telah mengadakan muktamarnya yang kesepuluh dengan memilih tempatnya di bandar Kaherah negeri Mesir pada musim panas tahun 1962 yang lalu dengan dihadiri oleh perwakilan-perwakilan yang datang dari wilayah negeri Amerika Syarikat dan Kanada. Mereka telah berada di Kaherah selama sepuluh hari untuk menghadiri muktamar tersebut, di samping melawat-lawat Universiti Azhar dan mempelajari keadaan negeri tersebut dari dekat.

Kegiatan kebudayaan Islam di Kanada.

Di bandar Montreal terdapat sebuah tempat pengajian Islam “Maahad Pengajian Islam” yang terletak di bawah kelolaan “Universiti McGill.” Pengajian tersebut khas untuk diajarkan di dalamnya perkara-perkara mengenai Islam dan perkembangannya yang disesuaikan pengajarannya dengan alam fikiran orang-orang yang berpendidikan Barat.

Tujuannya untuk bertukar-tukar pandangan antara pengajian Islam dan pengajian Barat di samping meniupkan semangat berlumba-lumba dalam mencapai ilmu pengetahuan.

Yang mengajar dalam “maahad” tersebut terdiri dari mahaguru yang pilihan datang dari berbagai-bagai negeri Islam, di antaranya Tuan Rashidi Muhammad yang mempunyai ijazah kesusteraan (*al-Adab*) kelulusan Universiti Kaherah.

Perlu juga disebutkan bahawa Universiti Azhar pada tahun 1906 telah menghantarkan *al-Ustādh* Hammudah Abdalati sebagai utusan pihak universiti tersebut untuk menjadi ketua “Pusat Islam” di Edmonton. Beliau ditugaskan semenjak datang di Kanada untuk mengadakan perjumpaan-perjumpaan bagi orang-orang Islam di sana supaya mereka dapat mendengar ceramah-ceramah dan penerangan-penerangannya tentang Islam, dan dari semasa ke semasa beliau menulis makalah-makalah yang berhubung dengan agama, dan budi pekerti di dalam surat khabar-surat khabar daerah “Calgary” dan “Edmonton”.

Akhirnya ada seorang dari keluarga al-Husaynī berasal dari Palestin yang tidak harus dilupakan. Beliau juga seorang Muslim, pekerjaannya sebagai guru agama dan guru bahasa Arab di Universiti Montreal, di samping itu beliaulah merupakan sebagai seorang duta yang tidak rasmi bagi Islam dan kaum Muslimin di sana.

* * *

(Dikutip dari “*Minbar al-Islām*”
bilangan 12 keluaran bulan Mei
1963).